

2 spesies dikesan 'kuasai' sungai

BH 12/03/24 n15 13

Pihak berkuasa disyorkan anjur program kesedaran dan tangkapan henti kebanjiran ikan

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kajian oleh universiti tempatan menunjukkan populasi dan dominasi 'luar biasa' ikan bandaraya di perairan negara dengan dua spesies utamanya, iaitu *pterygoplichthys pardalis* dan *pterygoplichthys disjunctivus*, kini menakluk beberapa sungai di Lembah Klang.

Dapatan menerusi persampelan membabitkan dua sungai di Selangor, turut menunjukkan kemungkinan wujudnya spesies baharu ikan bandaraya atau nama saintifiknya *Pterygoplichthys pardali* yang tidak mustahil sedang 'menghuni' sungai lain.

Timbalan Dekan Pemasaran, Pembangunan dan Penyelidikan,

Fakulti Kejuruteraan dan Sains Hayat, Universiti Selangor (UNISEL), Dr Intan Faraha A Ghani, berkata sebagai contoh, di Sungai Langat sebelum ini, hanya spesies *pterygoplichthys pardalis* ditemui, namun kajian pada 2022 itu menunjukkan ada spesies lain yang kini berada di sungai itu.

"Di Sungai Langat hanya ada spesies *pterygoplichthys pardalis* tetapi ketika melakukan persampelan, kami menemui dua lagi spesies lain, iaitu *pterygoplichthys disjunctivus* dan satu lagi spesies yang mempunyai corak berbeza di bahagian bawah ikan (berbanding *pterygoplichthys pardalis* dan *pterygoplichthys disjunctivus*).

"Dikhawatiri muncul satu spesies hibrid baharu, iaitu hasil gabungan dua spesies ini," katanya kepada BH.

Kit pengecaman kesan spesies

Mengulas lanjut, katanya, trend sama turut dikesan di Sungai Pusu, Gombak yang dahulunya hanya menjadi habitat bagi ikan bandaraya daripada spesies *Hypostomus*.

"Bagi mengesan jenis spesies ikan bandaraya yang mendiami sungai kita, kami menggunakan

satu kit pengecaman yang menggunakan inovasi eDNA atau *environmental DNA detection*.

"Hasil pensampelan di Sungai Pusu yang dahulunya hanya didiami ikan bandaraya jenis *hypostomus*, sekarang sudah ada spesies lain, iaitu *Pterygoplichthys*," katanya.

Mengulas lanjut, katanya, usaha menghentikan kebanjiran ikan pendatang itu sepatutnya dipergiat kerana sifatnya yang lebih 'ganas' dan memberi ancaman lebih besar berbanding ikan invasif yang lain.

"Kemunculan ikan bandaraya di Malaysia mula dilaporkan seawal 1990 di Johor. Sejak itu, banyak laporan mengenai bagaimana ikan ini menjejaskan biodiversiti persekitaran akuatik tempatan.

"Ciri ikan ini, tahan lasak, mampu hidup dan membiak dalam satu keadaan kualiti air yang minimum, kurang pemangsa dan mempunyai ciri pembiakan yang baik, iaitu saiz telur yang besar dan bilangan telurnya banyak.

"Selain itu, iklim di Malaysia yang sama seperti di tempat asal spesies terbabit, iaitu Amerika Selatan memberikan satu ruang dan kelebihan bagi ikan ini menguasai perairan air tawar negara," katanya.

Justeru, katanya, situasi itu mempengaruhi dominasi ikan bandaraya atau turut dikenali sebagai ikan tombot, di sesuatu kawasan.

"Spesies invasif yang lain seperti ikan raja dan baung ekor merah mungkin tidak mampu untuk hidup di kawasan yang mempunyai kualiti air yang rendah, namun spesies ini mampu hidup dan membiak di kawasan berkenaan," katanya.

Usaha kawal pembiakan sungai

Beliau turut mengakui langkah bagi mengawal pembiakan ikan bandaraya ini amat mencabar kerana ciri khasnya yang amat membantu daripada aspek pembiakan.

Sehubungan itu, katanya, usaha bagi mengawal pembiakan spesies ikan bandaraya amat mencabar dan memerlukan ker-

jasama semua pihak.

"Tindakan paling utama ialah menyampaikan kesedaran kepada segenap lapisan masyarakat akan impak spesies ini. Selain itu disarankan pihak berkuasa menganjurkan program kesedaran dan tangkapan seperti yang dilaksanakan oleh komuniti tertentu pemancing dan nelayan darat.

"Pada masa sama, penyelidikan yang menurus kepada penghasilan produk daripada spesies ini ataupun kaedah bagi kawalan perlu dipertingkatkan dari masa ke masa," katanya.

Beliau turut memberitahu, inovasi dalam penghasilan produk menggunakan ikan bandaraya sedang giat dijalankan oleh pihak industri dan universiti awam. Ini termasuk penghasilan makanan ikan dan baja pokok oleh beberapa industri dan universiti.

"Hasil produk positif dan inovasi ini mungkin mampu untuk dikomersialkan. Namun, kajian yang lebih terperinci berkaitan kesan logam berat perlu dilakukan.

Selain itu, pemilihan sampel perlu diambil di kawasan yang selamat, sekiranya inovasi ini hendak dikomersialkan," katanya.



Intan Faraha A Ghani